

Konsep berbeza miskin mutlak, relatif

Bicara Ekonomi



Dr Zulkipli Omar

Felo Penyelidik Kanan, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Kemiskinan relatif adalah satu konsep yang sedikit berbeza dengan kemiskinan mutlak. Kemiskinan mutlak adalah keadaan di mana pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup asas iaitu makanan, perlindungan dan pakaian.

Keadaan ini tidak berubah mengikut pertumbuhan ekonomi. Keperluan asas akan kekal walaupun ekonomi telah berkembang, cuma nilai keperluan tersebut akan berubah.

Manakala, kemiskinan relatif pula adalah konsep mengambil kira keadaan di mana pendapatan isi rumah berada beberapa peratus tertentu di bawah pendapatan penengah isi rumah.

Umpamanya, sebuah isi rumah itu dikatakan miskin relatif jika pendapatannya kurang daripada 60 peratus pendapatan penengah isi rumah. Keadaan ini akan berubah mengikut pertumbuhan ekonomi.

Ini bermakna kemiskinan relatif mengambil kira peningkatan taraf hidup yang meningkat mengikut pertumbuhan ekonomi.

Kemiskinan relatif lebih relevan untuk menjawab persoalan kos sara hidup. Ia mengambil kira pendapatan isi rumah dan purata keperluan kos sara hidup untuk sesuatu kawasan.

Data terkini menunjukkan pendapatan penengah sebuah isi rumah di Malaysia adalah RM5,228 sebulan. Jika kemiskinan relatif mengambil definisi pendapatan isi rumah kurang daripada 60 peratus, bermakna garis kemiskinan relatif adalah RM3,137 sebulan.

Kemiskinan mutlak diukur dengan mendefinisikan garis kemiskinan. Garis kemiskinan adalah paras pendapatan minimum yang sekadar mencukupi untuk mengekalkan barangan keperluan asas seperti makanan, perumahan, pakaian, keperluan perubatan dan seumpamanya untuk satu keluarga. Isi rumah yang pendapatannya kurang daripada nilai garis kemiskinan dianggap sebagai miskin mutlak.

Definisi garis kemiskinan

Kini, Bank Dunia mendefinisikan garis kemiskinan untuk negara berpendapatan menegah atas seperti Malaysia sebagai isi rumah yang berpendapatan AS\$5.50 sehari. Pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang diguna pakai pada masa kini untuk mengukur kadar kemiskinan di Malaysia adalah RM760 sebulan untuk Semenanjung Malaysia, RM910 sebulan untuk Sarawak dan RM1,050 untuk Sabah.

Secara umumnya isi



Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) antara inisiatif kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat.

rumah yang berpendapatan kurang dari paras itu dianggap sebagai miskin mutlak.

Perlu diingat bahawa kedua-dua konsep kemiskinan adalah berbeza. Kemiskinan relatif sentiasa wujud walaupun negara sudah mencapai tahap sebuah negara maju. Ia cuma menunjukkan kemiskinan secara relatif berbanding dengan lain-lain isi rumah walaupun secara mutlak mereka mungkin tidak lagi miskin.

Ukuran kedua-dua jenis kemiskinan perlu digunakan untuk melengkapkan antara satu sama lain. Mengikut definisi kemiskinan mutlak berdasarkan PGK, insiden kemiskinan di Malaysia pada 2016 adalah cuma 0.4 peratus setahun, menurun dari 0.6 peratus pada 2014.

Ini bermakna cuma 0.4 peratus isi rumah di Malaysia yang masih dibelenggu kemiskinan dari segi menyediakan keperluan asas makanan, perlindungan dan pakaian.

Mengambil kira garis kemiskinan relatif RM3,137 sebulan, bermakna isi rumah yang berpendapatan kurang dari nilai itu berkemungkinan terdedah kepada tekanan kos sara hidup yang lebih serius.

Ini adalah kerana kesan peningkatan taraf hidup di samping peningkatan harga barangan dan perkhidmatan. Peningkatan pendapatan isi rumah akan meningkatkan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan secara umum.

Justeru, harga barangan dan perkhidmatan secara umum akan meningkat. Dalam pada itu, apabila taraf hidup seseorang meningkat, biasanya cita rasa mereka juga

turut berubah. Barangan yang dahulunya mewah mungkin bertukar menjadi barangan biasa.

Hinggakan sampai di suatu tahap, barangan yang dahulunya inferior mungkin bertukar menjadi barangan biasa, malah barangan mewah, umpamanya ubi kayu. Ini bermakna perubahan cita rasa masyarakat bukan sekadar secara sukarela, malah terpaksa kerana dipengaruhi oleh cita rasa umum.

Perbandingan dua tempoh masa, 1999 hingga 2009 dan 2009 sehingga 2016 jelas menunjukkan trend ini. Jumlah perbelanjaan keseluruhan adalah lebih anjal kesan dari peningkatan pendapatan untuk 2009 sehingga 2016 berbanding tempoh 1999 sehingga 2009, dengan nilai keanjalan masing-masing 1.11 dan 0.90.

Nilai keanjalan

Nilai keanjalan 1.11 bermakna jika pendapatan meningkat sebanyak satu ringgit, perbelanjaan akan meningkat sebanyak RM1.11.

Ini bermakna peningkatan perbelanjaan adalah lebih pantas berbanding peningkatan pendapatan untuk dua tempoh itu. Inilah punca utama ke atas peningkatan kos sara hidup yang dirasai kini.

Jika dilihat kepada komponen perbelanjaan, kesihatan dan restoran serta hotel mempunyai keanjalan tertinggi untuk tempoh 2009 sehingga 2016, dengan nilai masing-masing 1.66 dan 1.45.

Untuk tempoh 1999 sehingga 2009 perbelanjaan untuk restoran dan hotel adalah tidak anjal (0.27), manakala tiada data untuk kesihatan.

Ini bermakna permintaan kedua-dua barangan dan perkhidmatan itu meningkat melebihi

peningkatan pendapatan.

Jika dilihat kepada kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, keanjalan perbelanjaan terhadap pendapatan juga meningkat jika dibandingkan kedua-dua tempoh, walaupun tidak elastik untuk kedua-dua tempoh itu.

Keanjalan untuk tempoh 1999 sehingga 2009 adalah 0.40 berbanding 0.91 untuk tempoh 2009 sehingga 2016. Ini bermakna bahagian perbelanjaan yang digunakan untuk makanan dan minuman bukan alkohol meningkat untuk tempoh 2009 sehingga 2016 berbanding tempoh 1999 sehingga 2009.

Mengikut hukum Engel, bahagian pendapatan yang dibelanjakan untuk makanan akan menurun apabila pendapatan meningkat. Jadi, keanjalan perbelanjaan untuk makanan dan minuman bukan alkohol diharapkan makin menurun selari dengan peningkatan pendapatan isi rumah. Namun keadaan sebaliknya berlaku. Ini juga selari dengan peningkatan kos sara hidup yang dirasai umum.

Dalam pada itu, pada tahun ini Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) dijangka memperkenalkan satu kaedah baharu mengukur tahap kemiskinan yang lebih komprehensif, dinamakan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI).

Mengikut JPM, MPI adalah lebih relevan untuk keadaan semasa di mana ianya mengambil kira lain-lain dimensi di samping pendapatan. Dimensi itu termasuk taraf hidup, pendidikan dan kesihatan.

Dimensi taraf hidup mengambil kira keperluan asas makanan, perlindungan dan pakaian yang ditekankan di dalam ukuran PGK kini.